

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II SESI AKADEMIK 2012-2013
IJAZAH SARJANAMUDA DENGAN KEPUJIAN**

JUN 2013

MASA : 1 JAM 30 MINIT

KOD KURSUS : ZZZT2213

TAJUK KURSUS : BENTUK-BENTUK PENULISAN



- ARAHAN :**
1. Kertas soalan ini mengandungi bahagian A,B dan C. Semua jawapan perlu ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
 2. Jawab DUA soalan pada bahagian A dan SATU soalan dari bahagian B dan C.
 3. Jumlah markah keseluruhan ialah 40 markah.
 4. Kertas soalan ini **TIDAK** dibenarkan dibawa keluar daripada Dewan Peperiksaan.

No. Pendaftaran :

--	--	--	--	--	--	--	--

_____ (dengan perkataan)

Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat bercetak, tidak termasuk muka surat ini.



BAHAGIAN A (10 Markah)

Arahan: Jawab DUA soalan sahaja dari bahagian ini dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Tuliskan sebuah esei bebas berdasarkan pendekatan berikut:

- I. Penceritaan
- II. Analogi
- III. Sebab dan akibat

(5 markah)

2. Nyatakan 3 akta atau undang-undang yang melindungi dan mengawal penulis dan penerbit.

(5 markah)

3. Apakah perkara-perkara yang mesti dicatatkan dalam suatu minit mesyuarat?

(5 markah)

4. Penulisan popular sering merujuk kepada bahan sekunder manakalan penulisan ilmiah menitikberatkan rujukan kepada bahan primer. Apakah perbezaan antara rujukan primer dan sekunder. Berikan contoh bagi kedua-duanya.

(5 markah)

BAHAGIAN B (10 Markah)

Arahan: Jawab SATU soalan sahaja daripada bahagian ini dalam buku jawapan yang disediakan.

5. Berikan perbezaan antara majalah popular dan jurnal ilmiah, sertakan DUA contoh bagi setiap satu daripadanya.

(10 markah)

6. Nyatakan apakah maklumat yang perlu ada dalam abstrak sebuah makalah ilmiah.

(10 markah)

BAHAGIAN C (20 markah)

Arahan: Jawab **SATU** soalan sahaja dari bahagian ini dalam buku jawapan yang disediakan.

6. Berikut adalah dapatan daripada penyelidikan berjudul 'Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Remaja dan Sikap Mereka terhadap Pemantauan Ibu Bapa'

Penggunaan Internet dalam kalangan remaja

93% remaja yang melayari internet berusia antara 12-17 tahun
 69% remaja mempunyai komputer sendiri
 63% remaja melayari internet setiap hari
 27% remaja gunakan telefon pintar untuk berada dalam talian
 24% bermain dalam talian

Penggunaan jaringan Sosial oleh Remaja

73% remaja mempunyai jaringan sosial
 Remaja mempunyai purata 201 rakan dalam Facebook
 37% menghantar mesej kepada rakan setiap hari
 8% Remaja Malaysia menggunakan Twitter

Kegiatan Remaja dalam Facebook

86% Remaja memberi komen pada dinding rakan mereka
 83% Remaja memberi komen gambar rakan mereka
 66% Remaja mengirim mesej peribadi kepada kawan-kawan
 58% Remaja mengirim IM atau mesej teks
 52% Remaja mengirim mesej berkumpulan
 55% Remaja pernah kirim maklumat peribadi kepada seseorang yang tidak mereka kenali, termasuk gambar foto
 29% Remaja pernah dihubungi oleh seseorang yang tidak dikenali
 24% Remaja pernah dimalukan dalam Facebook tanpa kerelaan mereka

Pandangan Remaja tentang kawalan Ibu Bapa terhadap penggunaan Facebook

67% Remaja tahu bagaimana menyembunyikan kegiatan mereka dalam internet daripada pengetahuan ibu bapa
 43% Remaja akan mengubah tingkah laku mereka jika mengetahui ibu bapa memerhati dan mengawasi mereka
 39% Remaja berpendapat aktiviti dalam talian mereka adalah kehidupan peribadi mereka dan tidak patut diketahui orang lain termasuk ibu bapa
 38% Remaja berasa terganggu jika ibu bapa mengawasi kegiatan mereka dalam

Jawab dengan ringkas soalan berikut:

- I. Apakah persoalan kajian yang hendak diketengahkan dalam penyelidikan ini?
- II. Tuliskan objektif utama penyelidikan ini
- III. Tuliskan hipotesis utama penyelidikan ini
- IV. Tuliskan langkah-langkah yang perlu dalam pengumpulan data.

(20 markah)

7. Tuliskan sebuah kertas kerja bebas pada tahap pramenulis. Kertas kerja mesti mengandungi tajuk khusus, pendahuluan, badan kertas kerja dan kesimpulan.

(20 markah)

'SELAMAT MAJU JAYA'